



PANG (kiri) menyempurnakan gimik pelancaran sebagai tanda perasmian Pusat Latihan Antarabangsa WFTGA sambil diperhatikan oleh **Shahril** (dua dari kiri), **Felicitas** (tengah), **Grace** (dua dari kanan) dan **Rasid** (paling kanan).

20 pemandu pelancong sertai kursus anjuran WFTGA

UB 9-4-2014 A2

KOTA KINABALU: Seramai 20 pemandu pelancong menyertai program pembangunan kerjaya pemandu pelancong di Pusat Latihan Antarabangsa Pelancong anjuran Kesatuan Pemandu Pelancong Sedunia (WFTGA), Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini kelmarin.

Program yang julung kali diadakan itu adalah bagi membantu memajukan kerjaya dan profesionalisme peserta kelompok pertama terbabit sebagai pemandu pelancong.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Seri Panglima Masidi Manjun berkata, peranan pemandu pelancong sangat penting dalam pembangunan industri pelancongan iaitu kekal sebagai duta pelancongan sedia ada di negeri ini.

“Saya berharap industri pelancongan di Malaysia akan terus mengiktiraf pemandu pelancong dan sedar akan kepentingan serta nilai untuk memiliki lesen profesionalisme dalam bidang mereka,” katanya ketika menyampaikan ucapan sempena Majlis Pelancaran

Pusat Latihan Antarabangsa Pelancong WFTGA, kelmarin.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Pang Nyuk Ming.

Masidi juga menghargai segala kepakaran dan pekhidmatan pemandu pelancong yang terdapat di Sabah, yang harus dijadikan sebagai fokus utama dalam industri pelancongan.

Program itu disertai oleh 14 orang dari Sabah, seorang dari Sarawak dan lima dari luar negara iaitu Hong Kong, India, Filipina, Poland dan Thailand.

Pusat Latihan Antarabangsa Pelancong mula beroperasi di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) UMS dilengkapi dengan tenaga pengajar profesional daripada WFTGA dan UMS.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Prof Dr Shahril Yusof, Presiden WFTGA Felicitas Wressnig, Presiden Kesatuan Pemandu Pelancong Sabah (STGA) Grace Leong dan Dekan SPE Prof Dr Rasid Mail.